


## BOOK REVIEW : THE RULE OF FASTING (DAURAH EDITION)

### ULASAN BUKU: FIQH PUASA (EDISI DAURAH)

Mohd Farouq Nukman Zamri<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Pensyarah, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Kemanusiaan, Universiti Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar, Perak. farouqnukman@usas.edu.my



Penulis Buku: Mohd Hanapiah Haji Hussin

Penerbit: Ikon Syabab Resources

Tahun: 2022 (Cetakan Pertama)

ISBN: 978-967-19315-9-2

Jumlah Muka Surat: 75

### PENDAHULUAN

Buku Fiqh Puasa (Edisi Daurah) ini merupakan hasil terjemahan dan huraian Ustaz Abu Usamah Mohd Hanapiah Haji Hussin (selepas ini akan dirujuk sebagai “penulis”) terhadap Bab Puasa dalam kitab *al-Muqaddimah al-Hadramiyyah fi Fiqh al-Sadah al-Shafi’iyyah* karangan al-‘Allamah Abdullah bin Abdul Rahman Bafadhal al-Hadhrami (selepas ini akan dirujuk

sebagai “pengarang”). Pada asalnya, penulis buku ini mensyarahkan kitab *al-Muqaddimah al-Hadramiyyah* di hadapan para penuntut ilmu dalam beberapa siri daurah.

Kemudian, pihak Ikon Syabab Resources mengambil inisiatif untuk menzahirkan hasil sesi syarahan tersebut ke dalam bentuk penulisan buku. Hal ini bertujuan mengekalkan manfaat ilmu dan dapat memberikan kefahaman yang lebih jelas serta merungkai segala salah faham yang timbul berkenaan ibadah puasa dalam kalangan masyarakat. Hasil kerja pihak Ikon Syabab Resources ini, kemudiannya telah dinilai semula dan ditambahbaik oleh penulis sendiri sebelum ia dicetak dan dipasarkan.

### KEISTIMEWAAN BUKU

Keistimewaan paling utama buku ini adalah ia terbina di atas isi kandungan kitab yang sangat hebat dan diterima pakai secara meluas oleh para ilmuan dan penuntut ilmu fiqah mazhab Syafii, iaitu kitab *al-Muqaddimah al-Hadramiyyah*. Kitab ini juga dikenali dengan beberapa nama lain iaitu *Mukhtasar Bafadhal*, *al-Mukhtasar al-Kabir* dan *Masa'il al-Ta'lim*. Daripada asas kitab yang cukup hebat, buku ini terhasil. Selain itu, buku ini pula adalah hasil terjemahan dan huraian seorang tokoh ilmuan muda yang aktif menyampaikan ilmu agama melalui ceramah dan penulisan. Beliau merupakan salah seorang Ahli Panel Klinik Hukum, Jabatan Mufti Negeri Terengganu dan beliau juga merupakan mudir Markaz al-Dirasat al-Islamiyyah, Kemasik, Kemaman, Terengganu.

Dari segi metodologi penulisan buku, penulis telah menterjemah isi kandungan kitab *al-Muqaddimah al-Hadramiyyah* seterusnya menghuraikannya dengan sangat jelas dan baik. Dalam kebanyakan tempat, penulis telah membawa dalil-dalil dan cara *istidlal* bagi sesuatu perbahasan hukum. Hal ini sekali gus dapat meyakinkan pengikut mazhab Syafii bahawa setiap hukum yang terkandung dalam perbahasan fiqah mazhab Syafii mempunyai dalilnya yang tersendiri. Seterusnya, dalam kebanyakan tempat juga, ketika penulis membawa dalil al-Quran dan sunnah serta pandangan para ilmuan silam, penulis akan membawa teks arab yang asal sebelum diterjemahkan teks tersebut.

Hal ini sangat memudahkan pembaca (terutamanya dalam kalangan agamawan dan penuntut ilmu) untuk membuat rujukan semula dalam rujukannya yang asal. Selain itu, penulis juga menambah beberapa perbahasan berkaitan hukum fiqah puasa yang bersifat semasa di samping membawa beberapa pandangan mazhab muktabar yang lain dalam permasalahan niat puasa sebagai jalan keluar (*makhraj*) sekiranya pengikut mazhab Syafii terlupa untuk berniat di malam hari. Hal ini sedikit sebanyak dapat membantu masyarakat mendepani permasalahan semasa yang terjadi dalam kehidupan mereka.

Termasuk dalam keistimewaan buku ini juga ialah dari segi persembahan buku, ia dicetak dengan kualiti kertas dan percetakan yang sangat baik dan kemas. Selain itu, pemilihan jenis dan saiz tulisan, sama ada tulisan rumi mahupun arab adalah sangat bersesuaian dan mesra pembaca. Di samping itu, buku ini juga mempunyai kulit yang menarik dan bersesuaian dengan tema. Hasilnya, selain dari isi kandungannya yang sangat bermanfaat, pembeli buku ini juga pasti akan sangat berpuas hati dengan kualiti persembahan buku walaupun ia hanya berharga lima belas ringgit.

### ULASAN ISI KANDUNGAN

Pada bahagian awal buku ini, penulis telah memulakan penulisannya dengan menulis kata pengantar yang menyentuh secara ringkas berkaitan tabiat perbahasan ilmu fiqah dan bentuk penulisan ilmu fiqah. Seterusnya, penulis juga berkongsi secara ringkas berkaitan latar belakang penghasilan buku ini. Akhir sekali, beliau berharap buku kecil ini dapat membantu

pembaca dalam memahami berkaitan perbahasan hukum fiqah puasa menurut pandangan mazhab Syafii.

Seterusnya, penulis telah membawa biodata ringkas berkaitan pengarang kitab *al-Muqaddimah al-Hadramiyyah* yang menjadi asas kepada penghasilan buku ini. Jelas daripada biodata ringkas ini menunjukkan pengarang kitab merupakan seorang ahli ilmu yang mempunyai kekuatan ilmu yang tidak dapat disangkal. Hal ini dapat dilihat kepada senarai nama para guru, murid dan hasil karya beliau dalam bidang ilmu. Pendedahan berkaitan ketokohan seseorang pengarang kitab adalah satu perkara yang baik kerana para pembaca akan lebih tenang dan yakin untuk menerima segala maklumat daripada buku ini.

Selain itu, para pembaca juga akan lebih menghargai nilai khazanah ilmu yang terdapat di dalamnya. Seterusnya, penulis juga membawa mukaddimah ringkas daripada kitab *al-Muqaddimah al-Hadramiyyah*. Pengarang kitab menegaskan apa yang terkandung dalam kitabnya adalah perkara yang wajib dipelajari oleh setiap muslim dan ia perlu diberi perhatian serta disebar luaskan isi kandungan tersebut.

Secara keseluruhannya, perbahasan utama buku ini yang menukulkan matan asal kitab *al-Muqaddimah al-Hadramiyyah* sebelum diterjemah dan dihuraikan oleh penulis, mengandungi pengenalan umum berkaitan bab puasa, perbahasan syarat sah puasa dan 6 fasal perbahasan berkaitan fiqah puasa. 6 fasal yang terkandung dalam buku ini adalah perbahasan berkaitan:

1. Fasal pada menyatakan mereka yang wajib berpuasa,
2. Fasal pada menyatakan perkara yang mengharuskan berbuka puasa,
3. Fasal pada menyatakan sunat-sunat puasa,
4. Fasal berkaitan perbahasan jimak pada siang hari bulan ramadan dan perkara yang diwajibkan ke atas mereka yang terlibat,
5. Fasal pada menyatakan fidyah yang wajib bagi menggantikan puasa dan orang yang diwajibkan fidyah, dan
6. Fasal pada menyatakan puasa sunat.

Semua perbahasan ini telah cukup bagi setiap muslim untuk mereka mengetahui perkara yang asas dan wajib untuk menjalankan ibadah puasa menurut mazhab Syafii.

Pada bahagian pertama berkaitan pengenalan umum berkaitan bab puasa, pengarang hanya menyatakan kaedah penentuan permulaan puasa awal Ramadan secara ringkas. Namun begitu, penulis telah menjelaskan pada bahagian ini berkaitan pengertian puasa, dalil pensyariatkan puasa, sejarah kefarduan puasa Ramadan, fadilat Ramadan dan penentuan permulaan puasa awal Ramadan secara terperinci beserta dalil. Hal ini selari dengan tabiat kebiasaan para ilmuan fiqah dalam memulakan sesuatu perbahasan hukum syarak.

Pada bahagian kedua berkaitan syarat sah puasa pula, pengarang telah membincangkan berkaitan rukun puasa, perkara yang membatalkan puasa dan syarat sah puasa secara ringkas dan padat. Dalam perbahasan rukun puasa Ramadan yang pertama iaitu niat di malam hari, penulis telah membawa pandangan mazhab Maliki yang berpandangan memadai satu niat untuk puasa sebulan Ramadan dan pandangan mazhab Hanafi yang membenarkan niat puasa Ramadan pada siang hari sebelum pertengahan siang hari.

Hal ini dinyatakan sebagai jalan keluar (*makhraj*) kepada pengikut mazhab Syafii sekiranya mereka terlupa untuk berniat di malam hari Ramadan. Namun begitu, penulis menegaskan supaya para pembaca sebolehnya cuba keluar daripada khilaf agar ibadah puasa dapat dijalankan dalam keadaan yang diakui oleh semua para ilmuan fiqah.

Dalam salah satu perbahasan perkara yang membatalkan puasa pula, iaitu masuknya sesuatu jirim ke dalam rongga, penulis telah melebarkan perbahasan kepada perbahasan pengambilan suntikan dan penggunaan *inhaler* ketika menjalani ibadah puasa. Dalam perbahasan pengambilan suntikan, penulis telah membawa empat pandangan berbeza dalam isu ini. Namun begitu, penulis tidak menyatakan dengan jelas pandangan pilihan penulis dalam isu ini.

Seterusnya, dalam isu penggunaan *inhaler* pula, penulis dengan jelas menyatakan pendirian beliau yang cenderung untuk mengatakan penggunaan *inhaler* adalah membatalkan puasa. Malah, penulis telah membawa hujah balas terhadap pandangan yang mengatakan penggunaan *inhaler* tidak membatalkan puasa. Hasil perbahasan dalam dua isu ini, sedikit sebanyak mampu memberi pendedahan dan pencerahan kepada masyarakat berkaitan permasalahan semasa yang terjadi dalam kehidupan mereka.

Setelah itu, pengarang meneruskan perbahasan berkaitan fasal pada menyatakan mereka yang wajib berpuasa dengan menyatakan empat syarat wajib puasa Ramadan iaitu berakal, baligh, Islam dan berkemampuan. Dalam fasal ini, penulis hanya menghuraikan dua syarat iaitu berakal dan baligh dengan ringkas dan padat. Pada fasal berikutnya, pengarang telah menyatakan perkara yang mengharuskan seseorang individu berbuka puasa. Penulis seterusnya telah menghuraikan dengan baik setiap perbahasan hukum yang dibawa oleh pengarang.

Seterusnya, pada fasal ketiga pengarang telah menyatakan perkara-perkara sunat ketika berpuasa. Penulis telah menghuraikan setiap perkara tersebut beserta dalil daripada al-Quran atau sunnah. Hal ini dapat memotivasikan para pembaca untuk melakukan segala perkara-perkara sunat tersebut dan mereka dapat melakukannya dengan yakin dan tenang. Kemudian, pada fasal keempat pengarang dan penulis telah menerangkan berkaitan perbahasan hukum jimak pada siang hari Ramadan dan perbahasan kaffarah jimak yang dikenakan ke atas pihak suami.

Pada fasal berikutnya, pengarang telah menyatakan berkaitan fidyah yang wajib bagi menggantikan puasa dan orang yang diwajibkan fidyah. Kemudian dalam fasal terakhir, pengarang telah menyatakan berkaitan perbahasan puasa sunat. Seperti dalam fasal sebelum ini, dalam dua fasal terakhir ini penulis telah menghuraikan perbahasan berkaitan fidyah dan puasa sunat dengan cukup baik dan jelas beserta dalil daripada al-Quran dan sunnah. Hal ini sekali gus dapat meyakinkan pengikut mazhab Syafii bahawa setiap hukum yang terkandung dalam perbahasan fiqh mazhab Syafii mempunyai dalilnya yang tersendiri.

## **PEMBETULAN DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN**

Walaupun buku ini telah dihasilkan dalam keadaan yang sangat baik, namun terdapat beberapa pembetulan dan cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan. Pembetulan pertama yang boleh dilakukan oleh penerbit ialah menukar format *align left* kepada *justify* pada halaman IX dan X dalam bahagian mukaddimah pengarang kitab *al-Muqaddimah al-Hadramiyyah* dan pada halaman tiga puluh tujuh dalam fasal kedua.

Hal ini bagi memastikan persembahan buku ini lebih kemas dan tersusun. Seterusnya, pada halaman sepuluh terdapat kesalahan baris dalam teks hadis. Baris bagi huruf (*ayn*) pada perkataan (*lam yujmi'*) sepatutnya dibariskan dengan baris mati (*sukun*) atau dengan baris bawah (*kasrah*) bukannya baris hadapan (*dammah*).

Bagi cadangan penambahbaikan pula, cadangan pertama ialah dalam bahagian pengenalan umum berkaitan bab puasa pada halaman enam hingga lapan. Penulis telah menerangkan secara ringkas dan tuntas berkaitan penentuan puasa awal Ramadan menurut

mazhab Syafii dan majoriti para ilmuan fiqah iaitu berdasarkan *thubut al-ru'yah*. Namun begitu, penulis disarankan untuk menyentuh perbincangan berkaitan *imkan al-ru'yah* dan *hisab falaki* yang menjadi pengamalan cara penentuan awal Ramadan, Syawal dan Zulhijjah di Malaysia. Hal ini penting bagi memastikan para pembaca bukan sekadar memahami perbincangan fiqah yang bersifat teori, malah mereka juga dapat mengetahui pandangan yang dipilih oleh pihak berautoriti agama dan realiti praktikal semasa di Malaysia.

Seterusnya, pada halaman lapan belas, penulis telah membawa empat pandangan para ilmuan fiqah dalam permasalahan mengambil suntikan ketika berpuasa. Namun begitu, ia ditinggalkan tanpa menyatakan pandangan pilihan penulis. Justeru, penulis disarankan untuk menyatakan pandangan pilihan beliau dalam permasalahan ini. Hakikatnya, pandangan pilihan penulis boleh membantu para pembaca untuk memilih, sekali gus berpegang dengan pandangan tersebut.

Hal ini adalah penting terutamanya kepada masyarakat awam. Selain itu, penulis juga disarankan untuk membawa teks arab asal daripada empat pandangan para ilmuan fiqah berkaitan isu ini. Hal ini sangat membantu para pembaca terutamanya yang tergolong dalam kalangan agamawan dan penuntut ilmu untuk membuat rujukan semula di dalam rujukannya yang asal.

Akhir sekali, pada halaman sembilan belas, penulis telah menjelaskan berkaitan hukum penggunaan inhaler ketika berpuasa. Beliau telah menyatakan sebahagian para ilmuan mengatakan penggunaan inhaler tidak membatalkan puasa dengan beberapa sebab dan alasan. Namun begitu, penulis tidak menyatakan secara terperinci siapa yang berpandangan sedemikian. Adalah lebih baik jika penulis dapat menyatakan secara terperinci nama tokoh ilmuan atau institusi fatwa yang memilih pandangan tersebut. Hal ini dapat membantu para pembaca untuk membuat rujukan semula di dalam rujukannya yang asal.

## **PENUTUP**

Buku ini merupakan satu sumbangan ilmu yang sangat baik dan bernilai terutamanya kepada masyarakat awam yang tidak mempunyai kemampuan untuk membaca kitab arab. Selain itu, ia juga dapat menambah bahan rujukan kepada para agamawan dalam menyampaikan ilmu agama kepada masyarakat awam. Tambahan pula, perbincangan dalam buku ini adalah ringkas, padat dan bersifat semasa.

Yang paling utama, perbincangan buku ini adalah berdasarkan perbincangan fiqah mazhab Syafii yang menjadi pegangan majoriti rakyat Malaysia. Akhir sekali, kehadiran buku ini diyakini akan dapat memberikan kefahaman yang lebih jelas dan merungkai segala salah faham yang timbul dalam kalangan masyarakat berkaitan perbincangan hukum fiqah puasa yang juga merupakan rukun Islam yang ketiga.

## **RUJUKAN**

Abu Usamah Mohd Hanapiah Hussin. 2022. Fiqh Puasa (Edisi Daurah). Kuala Terengganu: Ikon Syabab Resources.

### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Fiqhiyyat tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*